

08/10/2002

Korea usul kawasan perdagangan bebas Asia Timur

KOREA, negara Asia yang paling pantas pulih daripada krisis kewangan serantau pada 1997 dan 1998, berminat membangunkan Kawasan Perdagangan Bebas Asia Timur untuk kemakmuran serantau.

Penasihat Kanan Presiden untuk Ekonomi, Kebajikan dan Buruh Korea, Lee Ki-Ho, berkata penubuhan kawasan perdagangan bebas penting untuk membangunkan perdagangan serantau terutama di kalangan negara Asean yang kini hanya berjumlah 33 peratus.

Jumlah itu, katanya, jauh lebih rendah berbanding perdagangan serantau di kalangan negara Kesatuan Eropah (66 peratus) dan negara Amerika Utara (46 peratus).

"Asas pertumbuhan di Asia Timur terletak pada kepelbagaiannya. Bagi memanfaatkan sepenuhnya kepelbagaian itu, perdagangan serantau perlu dipertingkatkan.

"Bagi mencapai matlamat itu, perlu ditubuhkan sebuah kawasan perdagangan bebas," katanya pada taklimat mengenai Korea pada Sidang Kemuncak Ekonomi Asia Timur, Forum Ekonomi Dunia di Kuala Lumpur, semalam.

Lee berkata, peningkatan perdagangan serantau, walaupun sedikit sudah tentu akan memberi sumbangan ketara kepada pertumbuhan ekonomi serantau.

Pemulihan pantas ekonomi Korea daripada krisis ekonomi Asia mengagumkan dunia. Malaysia juga dijangka meniru kejayaan Korea menerusi pendekatan baru Dasar Pandang Ke Timur yang bakal diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak lama lagi.

Dasar Pandang Ke Timur sebelum ini merujuk kepada kejayaan Jepun tetapi Jepun yang tidak merekodkan pertumbuhan sejak 10 tahun lalu, bukan lagi contoh yang baik kepada Malaysia.

Dalam konteks perhubungan serantau, Asean adalah rakan Korea menerusi program Asean+3 selain Jepun dan China.

Lee berkata, negara Asia perlu meningkatkan kerjasama bagi mengatasi jurang pendapatan berikutan masalah kemiskinan di kalangan negara serantau.

Korea juga katanya, mahu memainkan fungsi ke arah mengurangkan jurang digital dan ekonomi Asia dengan membekalkan peralatan teknologi maklumat kepada negara miskin.

Beliau berkata, ini kerana kerjasama untuk memaklumkan negara serantau sekali gus akan membantu meningkatkan pembangunan ekonomi.

Sementara itu, Lee berkata, walaupun tidak lagi terikat dengan pakej Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF), Korea akan meneruskan pembaharuan struktur bagi meningkatkan ketelusan dan kecekapan ekonomi selaras aspirasinya menjadi ekonomi terpenting Asia Timur.